

18/08/2000

`Perselisihan pendapat boleh selesai'

KUALA LUMPUR, Khamis - Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, yakin semua perselisihan pendapat mengenai isu penting dalam Perkara-Perkara Perjanjian (POA) di antara republik itu dengan Malaysia boleh diselesaikan dalam tempoh dua hingga tiga bulan ini.

Bagaimanapun, tegas beliau, kata sepakat itu akan hanya menjadi kenyataan sekiranya kedua-dua pihak bersedia bertolak ansur dan menerima pandangan satu sama lain.

Lee berkata, kedua-dua Perdana Menteri juga perlu bertemu dan mengetepikan segala masalah yang ada supaya pembangunan kedua-dua negara dapat diteruskan.

"Jika kita dapat selesaikan masalah yang wujud di antara kedua-dua negara, kita bukan saja dapat manafaat daripadanya tetapi dapat mengukuhkan keyakinan masyarakat antarabangsa," katanya pada sidang akhbar pada akhir lawatan kerja empat hari ke Malaysia, petang ini.

Dalam lawatannya, Lee turut menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kedua-duanya mengambil kesempatan membincangkan perkara yang hingga ini belum mencapai kata sepakat.

Isu itu membabitkan penjualan air ke Singapura, soal penempatan pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin, kedudukan tanah Keretapi Tanah Melayu di Tanjung Pagar dan pengeluaran caruman wang dari Tabung Pusat Simpanan Pekerja (CPF) oleh rakyat Malaysia di Semenanjung.

POA ditandatangani di antara Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dengan Lee ketika beliau masih memegang jawatan Perdana Menteri Singapura pada November 1990.

Lee berkata, satu keputusan politik perlu dibuat segera kerana segala masalah itu sudah timbul sejak bertahun-tahun lamanya, dan ia juga bukan sekadar tanggungjawab kakitangan kerajaan semata-mata.

Mengenai kurang keyakinan kedua-dua pihak hingga menimbulkan syak wasangka dalam penyelesaian isu CPF, Lee berkata: "Tidak timbul kurang keyakinan pada pihak kami.

"Apa yang kami katakan ialah apabila kita mencapai satu perjanjian yang bertulis, kita perlu mengikutnya."

Lee juga menjelaskan bahawa segala masalah berkaitan kedua-dua negara itu timbul selepas beliau berundur sebagai Perdana Menteri sepuluh tahun lalu.

Menurutnya, beliau juga tidak pernah menghadapi sebarang konflik dalam hubungannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang beliau memegang jawatan itu.

"Ketika saya mengenali Dr Mahathir sejak tahun 1970an, kami memang mempunyai perbezaan pendapat. Saya tahu yang beliau akan menjadi Perdana Menteri, jadi jika kami terus bertengkar, kedua-dua negara akan rugi.

"Jadi, saya berbincang dengan beliau sehingga akhirnya, kami mencapai hubungan peribadi yang baik sepanjang saya memegang jawatan. Saya tidak pernah ada konflik dengannya. Konflik itu hanya timbul selepas saya pergi," katanya.

Lee yang tiba di sini sejak Isnin lalu berkata, beliau kagum dengan perubahan dan kemajuan Malaysia sekarang berbanding lawatannya ke sini pada 1989.

"Malaysia mengalami perubahan pantas dari segi ekonomi dan infrastruktur. Saya kagum dengan Lebuhraya Utara Selatan dan Putrajaya. Segala pencapaian ini adalah amat hebat," katanya.

(END)